

RESEARCH ARTICLE

Analisis Konkordan Kombinasi Kata Kerja Bahasa Arab dan Kata Sendi dalam Akhbar Mesir *Al-Ahram*

Zainur Rijal Abdul Razak* dan Yuslina Mohamed

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

ABSTRAK – Penggunaan sesuatu kata kerja bersama kata sendi tertentu merupakan amalan biasa di dalam pembinaan ayat bahasa Arab. Lazimnya, penggunaan sesuatu kata kerja bersama kata sendi yang berbeza akan membawa maksud berbeza. Namun, didapati berlakunya dalam bahasa Arab moden variasi penggunaan kata sendi bersama sesuatu kata kerja bagi membawa maksud yang sama atau hampir sama. Justeru, tujuan kertas kerja ini disediakan adalah untuk menganalisa dan mengenalpasti sejauh mana fenomena ini berlaku di dalam bahasa Arab moden. Bagi mencapai objektif ini sebanyak 77 teks berita dari akhbar *al-Ahram* dari negara Mesir telah dikumpul dalam bentuk digital merangkumi 20,605 perkataan dalam kategori berita tempatan, dunia, sukan dan ekonomi. Perisian komputer Wordsmith 8.0 telah digunakan untuk menganalisa semua perkataan-perkataan ini dan mengekstrak penggunaan sesuatu kata kerja bersama kata sendi menggunakan aplikasi *Wordlist* dan *Concordance* dalam perisian ini. Hasil kajian mendapati bahawa berlakunya fenomena penggunaan sesuatu kata kerja dalam bahasa Arab moden bersama pelbagai kata sendi bagi menunjukkan maksud yang hampir sama. Walau bagaimanapun, secara umumnya, dari aspek kekerapan, penggunaan kata kerja bersama kata sendi yang menjadi kebiasaan tatabahasa Arab lebih kerap digunakan berbanding gaya penggunaan baru yang cuba diketengahkan oleh bahasa Arab moden melalui akhbar. Selain daripada itu, dapat juga disimpulkan bahawa akhbar Arab memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan penggunaan gaya bahasa baharu kepada masyarakat Arab khususnya.

ARTICLE HISTORY

Received: 27 February 2024

Revised: 4 June 2024

Accepted: 24 June 2024

Published: 12 July 2024

KATA KUNCI

Akhbar al-Ahram

Kata kerja

Kata sendi

Kekerapan

Konkordan

A Concordance Analysis on the Use of Verb and Preposition Combination in *Al-Ahram Egyptian Newspaper*

ABSTRACT - *The use of a certain verb in association with specific preposition is a common practice in Arabic grammar. The use of a verb with different preposition usually conveys different meanings. However, it has been found that in modern Arabic, there is a variety of preposition-verb combinations that convey the same meaning. Therefore, the purpose of this paper is to analyse and identify the extent to which this phenomenon occurs in modern Arabic. In order to achieve this objective, a total of 77 news texts from the Egyptian newspaper Al-Ahram were collected digitally, comprising of 20,605 words in the categories of local news, world news, sports and economy. The computer software Wordsmith 8.0 was used to analyse all of these words and extract the use of a verb with a preposition using the wordlist and concordance applications in this software. The study found that the phenomenon of using a verb in Arabic with various prepositions to indicate almost the same meaning is prevalent. However, overall, in terms of frequency, the use of verb-preposition combinations that are traditional in Arabic grammar is more commonly used than the new style promoted by modern Arabic through newspapers. Furthermore, it can also be concluded that Arab newspapers play a very important role in disseminating the use of new language style to the Arab community in particular.*

KEYWORDS

Al-Ahram newspaper

Concordance

Frequency

Preposition

Verb

PENGENALAN

Penulisan akhbar telah menjadi antara pelopor dan penyebar luas kepada penggunaan bahasa Arab moden (*Modern Standard Arabic*) dalam kalangan bangsa Arab di timur tengah (Fatima Dahou, 2017). Hal ini kerana, akhbar secara tradisinya merupakan wadah penyampaian maklumat dan berita kepada pembaca dari pelbagai peringkat umur (Dahlan Ismail, 2022). Ia juga disebabkan akhbar melaporkan kejadian di seluruh dunia serta terdedah kepada penggunaan perkataan dan gaya bahasa penulisan dari bahasa asing. Oleh kerana paparan berita dalam akhbar sentiasa diikuti rapat

oleh pembaca dari segenap lapisan masyarakat, sebahagian gaya bahasa baharu yang telah dipengaruhi bahasa asing dan digunakan dalam media, begitu cepat mempengaruhi minda dan bahasa masyarakat setempat. Dalam konteks berita, akhbar memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat sepantas mungkin serta bertanggungjawab membentuk mereka menjadi ahli komuniti yang berpengetahuan dan berfikiran kritis (Jammy Seigha, 2022, Pawan Koundal & Raghvendra Mishra, 2018).

Dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat masa kini, peranan akhbar sebagai penyebar maklumat yang sahih sentiasa menjadi keutamaan. Walaupun sebahagian besar akhbar yang dahulunya diterbitkan secara fizikal telah beralih kepada penerbitan digital, peranannya kekal utuh iaitu memastikan maklumat yang disebarkan kepada masyarakat sahih dan tepat (Norazlinda, 2021; Bahiyah Omar, 2017). Pada masa kini, versi akhbar cetakan fizikal semakin sukar diperolehi kerana kebanyakannya telah beralih kepada versi digital agar dapat mengurangkan kos penerbitan dan dalam masa yang sama mampu mencakupi jumlah pembaca yang lebih ramai dari serata dunia. Walau apa jua bentuk akhbar diterbitkan, penulisan akhbar juga perlu menekankan aspek tatabahasa agar gaya bahasanya mudah difahami dan menepati kehendak penulisan dan kefahaman (Sabaryah, 2012).

Sebagai wadah penyebaran maklumat dan berita terkini kepada masyarakat umum, penggunaan perkataan dan gaya bahasa dalam akhbar telah menjadi bahan pembelajaran bahasa semenjak sekian lama terutama bagi pelajar bidang bahasa di pelbagai peringkat pengajian (Ejimofofor Agu, 2015). Dalam konteks bahasa Arab, akhbar Arab dianggap pelopor kepada bahasa Arab moden (*Modern Standard Arabic*) yang digunakan di seluruh dunia Arab pada masa kini (Van Mol, 2003). Namun begitu, ia sentiasa tidak terlepas dari pengaruh bahasa Arab klasik yang menjadi khazanah berharga bangsa Arab di dalam syair klasik, ucapan-ucapan dan gaya pertuturan tradisional (Hamza Ethelb, 2019). Hal ini kerana, akhbar Arab bertanggungjawab membawa masuk perkataan dan istilah baharu ke dalam bahasa Arab dan seterusnya diterima penggunaannya dalam masyarakat sebagai bahasa rasmi (Abdul Aziz Sharaf, tt). Justeru, kajian ini menggariskan objektif untuk melihat sejauh mana bahasa Arab moden dalam akhbar Arab telah memperluaskan dan mempelbagaikan penggunaan kata kerja tertentu bersama kata sendinya dengan membawa maksud yang hampir sama. Trend baharu ini menjadi antara ciri utama penggunaan bahasa Arab pada masa kini berbanding bahasa Arab klasik sebelum letusan komunikasi media massa.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut sarjana linguistik, bahasa yang digunakan manusia sentiasa mengalami perubahan sejajar peredaran zaman (Cuskley, 2020). Perubahan yang berlaku banyak dipengaruhi faktor keperluan semasa yang mengelilingi kehidupan penuturnya. Perkembangan teknologi di seluruh dunia antara faktor utama perubahan yang berlaku dalam bahasa. Perkembangan teknologi dalam aspek komunikasi menyebabkan dunia yang didiami menjadi semakin sempit. Manusia dari serata pelusuk dunia dapat berhubung dan berkongsi maklumat dengan cepat dan pantas. Situasi ini menyebabkan berlakunya pertukaran budaya dan bahasa antara penduduk dunia walaupun jarak yang jauh antara satu sama lain (Iliia Markov *et. al.*, 2023). Kewujudan internet selepas era komunikasi media massa pula telah mempercepatkan lagi proses pengaruh antara budaya dan bahasa ini.

Bahasa Arab mempunyai struktur sintaks yang lebih kukuh berbanding bahasa-bahasa lain di dunia. Justeru, tidak banyak perubahan sintaks berlaku dalam bahasa Arab moden (Van Mol, 2003; Haywood & Nahmad, 1993) Hal ini kerana tatabahasa Arab yang disusun oleh ulama silam mengambil rujukan sumber dari al-Quran di mana teksnya telah dijanjikan Allah SWT akan kekal sehingga ke hari kiamat. Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Zikir (al-Quran), dan sesungguhnya Kamilah yang menjaganya.

Dari aspek bahasa, perkembangan bahasa Arab sentiasa berlaku terutamanya dari aspek perkataan dan istilah. Akses yang mudah kepada kecanggihan teknologi komunikasi menyebabkan berlakunya proses asimilasi bahasa antara negara dan banyak perkataan asing masuk serta digunakan dalam bahasa Arab. Namun begitu, pihak autoriti bahasa di negara-negara Arab tidak menerima sewenang-wenangnya perkataan asing yang masuk sebaliknya membuat penilaian dan kajian terlebih dahulu sebelum memperakukan penggunaannya (Sharaf, tt). Dari aspek struktur ayat pula, walaupun bahasa Arab dilihat lebih kukuh, ia masih tidak dapat mengelak sepenuhnya tuntutan perubahan zaman.

Menurut Fatima Dahou (2017), perubahan nahu dalam bahasa Arab moden juga berlaku dalam konteks pemudahan tatabahasa (*simplification of grammar*), walaupun dalam nisbah yang lebih kecil berbanding aspek perkataan. Selain itu, perbezaan struktur ayat juga dapat dilihat berbanding bahasa Arab klasik. Sebagai contohnya, bahasa Arab klasik menggunakan frasa انتقل إلى المألى الأعلى (*berpindah ke sisi tuhan yang maha tinggi*) bagi menyatakan kematian seseorang berbanding masa kini yang lebih menjurus iaitu menggunakan kata توفي (*mati*) (Muhammad, 1984). Pengaruh bahasa asing hasil dari letusan teknologi komunikasi media massa yang dipelopori akhbar bercetak dan berita menjadi faktor utama kepada situasi ini. Perubahan struktur ayat ini menyebabkannya berbeza dari struktur ayat asal dalam bahasa Arab klasik yang disusun oleh para ulama silam. Justeru, kajian ini cuma mengenalpasti sejauh mana perubahan trend ini berlaku dalam akhbar Arab yang dikaji serta melihat adakah struktur ayat asal masih dominan digunakan atau telah ditinggalkan.

Kata Kerja Transitif dan Tak Transitif dalam Bahasa Arab

Dalam tatabahasa Arab, kata kerja dari aspek transitiviti terbahagi kepada dua kategori; iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif (الفعل المتعدي والفعل اللازم). Kata kerja transitif (الفعل المتعدي) adalah kata kerja yang memerlukan kepada objek bagi melengkapkan makna ayat (Sola Fitriya Hidayani, 2021). Sementara, kata kerja tak transitif (الفعل اللازم) tidak memerlukan kepada objek tetapi lazimnya menjadikan kata sendi tertentu sebagai pelengkap ayat bagi menjelaskan maksud (Ibrahim Musthofa, 2016). Contohnya, kata kerja رَجَعَ (*pulang*) merupakan kata kerja tak transitif dan tidak memerlukan kepada objek. Dalam bahasa Arab klasik kata kerja ini lazimnya memerlukan kepada kata sendi إلى (*ke/kepada*) bagi membawa maksud yang diinginkan. Namun, terdapat juga dalam keadaan tertentu ia digunakan sebagai transitif bagi membawa maksud lain (Murad al-Ghalib, 2009).

Dalam konteks ini, walaupun tidak terdapat tatabahasa khusus yang menetapkan kombinasi kata kerja tak transitif tertentu bersama sesuatu kata sendi dalam bahasa Arab klasik, namun, trend yang jelas dapat dilihat penggunaan kombinasi (kata kerja-kata sendi) yang sama bagi membawa maksud yang sama. Sebagai contohnya, kata kerja يُشِيرُ (*menunjukkan*) sentiasa digunakan bersama kata sendi إلى (*ke/kepada*) dalam banyak situasi. Dalam masa yang sama, tatabahasa Arab klasik tidak menghalang penggunaan kata sendi berbeza atau tanpa kata sendi jika membawa maksud berbeza. Sebagai contohnya, kata kerja بَدَأَ (*telah bermula*) kadang kala digunakan tanpa dikombinasikan dengan apa jua kata sendi seperti dalam hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا، وَسَيُعُودُ غَرِيبًا كَمَا بَدَأَ ...

Maksudnya:

Islam itu bermula ganjil, dan akan kembali ganjil seperti mana ia telah bermula.

Sementara dalam situasi lain, kata kerja ini digandingkan dengan kata sendi ب (*dengan*) seperti dalam ayat al-Quran di bawah:

{ فَبَدَأَ بِأَوْعِيَّتِهِمْ قَبْلَ وَعَاءِ أَخِيهِ ... } (Yusof: 76)

Maksudnya:

Maka dia (Yusof) mulai memeriksa tempat-tempat barang mereka sebelum memeriksa tempat barang kandungannya (Bunyamin)

Dua contoh di atas membuktikan berlakunya dua kaedah penggunaan kata kerja بَدَأَ dalam bahasa Arab klasik iaitu penggunaan بَدَأَ tanpa kata sendi (contoh pertama) dan penggunaannya bersama kata sendi ب (contoh kedua). Menurut pendapat Imam Al-Suyuti (1987), kata kerja ini pada asalnya adalah kata kerja tak transitif, namun terdapat juga bukti-bukti lain yang menunjukkan ia digunakan sebagai kata kerja transitif dalam maksud yang lain. Dalam contoh di atas kata kerja 'bermula' dan 'mulai' membawa maksud berbeza walaupun dari kata akar yang sama.

Berbeza dengan bahasa Arab moden di mana terdapat penggunaan kata sendi berbeza atau tanpa kata sendi bagi membawa maksud yang sama. Contohnya, kata kerja اِخْتَبَحَ (*memerlukan*) merupakan kata kerja tak transitif yang digunakan bersama kata sendi إلى (*ke/kepada*) Namun begitu, terdapat juga penggunaan kata kerja ini dengan kata sendi selain إلى dalam akhbar Arab yang membawa maksud yang sama (Afifi Ramazan, 2014). Dengan kata lain, penggunaan kata kerja tak transitif bersama kata sendi berbeza bagi membawa maksud yang sama dalam bahasa Arab moden merupakan ciri baharu yang diketengahkan media massa. Penggunaannya dalam akhbar menyebabkan kombinasi baharu ini mudah diterima masyarakat dan seterusnya diperluaskan penggunaannya dalam medium-medium lain. Hal ini kerana, akhbar telah menjadi rujukan utama masyarakat Arab di pelbagai peringkat umur untuk memperoleh maklumat terkini di sekeliling mereka dan seluruh dunia.

TINJAUAN LITERATUR

Seperti dibincangkan, akhbar Arab telah menjadi medium utama penyebaran maklumat kepada masyarakat Arab semenjak ia mula diterbitkan sekitar kurun ke-19 (Muhammad Sayyid, tt). Pengaruhnya amat besar kepada mereka kerana masyarakat Arab memang terkenal dengan budaya membaca semua peringkat umur, tahap pemikiran dan sosio-ekonomi (Fatima Dahou, 2017). Walaupun sebahagian besar akhbar Arab masa kini telah berubah kepada bentuk digital, peranan yang dimainkan kekal penting memandangkan ia dianggap sumber berita yang dipercayai dan berautoriti. Pada masa kini, terdapat medium lain penyebaran maklumat yang boleh disebarkan secara atas talian melalui media sosial facebook, twitter, instagram, youtube dan memainkan peranan yang sama seperti akhbar (Jammy Seigha, 2022). Namun begitu, berita yang diterbitkan melalui akhbar lebih berautoriti berbanding media sosial lain kerana ia dihasilkan oleh wartawan yang mengamalkan etika kewartawanan yang ketat dan telus (William, 2007). Berbeza dengan platform media sosial lain yang tidak terikat dengan etika ini dan sentiasa terdedah kepada berita palsu dan maklumat yang tidak tepat (Jammy Seigha, 2022; Egbule et. al, 2016).

Dengan ciri penting ini, akhbar juga menjadi sebahagian dari sumber utama bahasa Arab untuk tujuan pembelajaran dan kajian di pelbagai peringkat pengajian (Sofwat Ibrahim, 2019). Akhbar bahasa Arab telah dianggap sebagai agen perubahan bahasa dari bahasa Arab klasik kepada bahasa Arab moden (*Modern Standard Arabic*) dengan pengenalan banyak perkataan dan istilah baharu atau gaya penulisan baharu kesan dari asimilasi dengan bangsa lain di seluruh dunia (Fatima Dahou, 2017; Van Mol, 2003; Muhammad Abu Wafa, tt). Proses asimilasi dalam bahasa Arab ini mula aktif berlaku apabila negara-negara Arab mula dijajah oleh negara Eropah Britain dan Perancis bermula dari awal kurun ke-19

sehingga pertengahan kurun ke-20 (Fatima Dahou, 2017). Penjajahan ini telah membawa masuk teknologi berkaitan percetakan akhbar sehinggalah kepada teknologi satelit yang membolehkan aspek media telekomunikasi terus berkembang di tanah Arab dengan pelancaran saluran-saluran televisyen dan radio sekitar pertengahan abad ke-20 (Julia Ashtiany, 1993). Selain berlakunya kemasukan banyak kata pinjaman, laras dan gaya penggunaan bahasa turut mengalami perubahan yang signifikan berbanding penggunaannya dalam bahasa Arab klasik seperti yang dijelaskan sebelum ini. Ia termasuklah perubahan dan pengembangan penggunaan perkataan dalam akhbar Arab dari aspek kata kerja dan kata sendi sehingga tercetusnya era bahasa Arab moden yang berbeza dari sebelumnya. Penggunaan baharu ini akhirnya banyak telah diterima dan diperaku oleh pihak berautoriti bahasa di negara masing-masing untuk digunakan dalam medium-medium lain (Fatima Dahou, 2017).

Menurut pandangan Afifi Ramazan (2014), ramai penganalisis bahasa akhbar Arab masa kini mendapati perbezaan jelas dalam penggunaan kata kerja bersama kata sendi berbanding tatabahasa Arab klasik yang disusun dan dipelopori oleh sarjana Arab dahulu. Sebagai contohnya kata kerja أعلن (*mengumumkan*) digunakan sebagai kata kerja tak transitif samada kepada dirinya sendiri atau kata sendi ب (*dengan*) seperti أعلنته (*mengumumkannya*) dan أعلنت به (*mengumumkan dengannya*) (Al-Fairuzabadi, 2005). Sementara penganalisis bahasa dalam akhbar Arab mendapati berlakunya penggunaan kata kerja ini bersama kata sendi عن (*tentang*) dan berbeza dengan penggunaan asalnya (Afifi Ramazan, 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk mencapai objektif di bawah:

- 1) Mengenalpasti kepelbagaian penggunaan kombinasi kata kerja bahasa Arab dan kata sendinya dalam akhbar Arab Mesir *al-Ahram*.
- 2) Menganalisa trend penggunaan kata kerja bahasa Arab bersama kata sendinya dalam akhbar Arab Mesir *al-Ahram*.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menganalisis trend penggunaan kata kerja bersama kata sendi dalam akhbar Arab Mesir *Al-Ahram* melalui analisis kekerapan perkataan dan konkordan. Justeru, kesimpulan dapatan adalah hasil rumusan dari dapatan kuantitatif yang diperolehi dari teks-teks berita yang dikumpul secara digital dan dianalisa. Bagi tujuan pengumpulan data, sebanyak 77 artikel yang mengandungi lebih dari 20,000 perkataan dikumpul dalam bentuk korpus dengan setiap genre berita iaitu sukan, tempatan, dunia dan ekonomi. Pemilihan teks-teks ini menggunakan teknik persampelan mudah mengikut kategori berita dan tempoh yang telah ditentukan. Ini dilakukan bagi memastikan tiada perbezaan besar antara jumlah perkataan bagi setiap genre berita. Ringkasan jumlah perkataan bagi setiap genre adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1. Taburan jumlah perkataan mengikut genre dalam Akhbar Arab Mesir *Al-Ahram*.

Bil	Genre	Jumlah artikel	Jumlah perkataan
1	Tempatan	21	5051
2	Dunia	22	5287
3	Sukan	20	5106
4	Ekonomi	14	5161
Jumlah keseluruhan		77	20605

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah perkataan yang telah dikaji mengikut genre penulisan akhbar Arab dari Mesir *al-Ahram* dan dikumpulkan penulis dari 9-19 Julai 2023. Teks-teks ini dikumpul secara atas talian dengan menyimpannya dalam format yang diterima oleh perisian pemproses iaitu *plain text*. Setiap teks disimpan dalam fail berbeza bagi memudahkan input ke dalam perisian pemproses. Secara keseluruhannya, korpus akhbar *al-Ahram* ini terdiri dari 20,605 dari 77 artikel dengan setiap genre diwakili oleh jumlah perkataan yang hampir seimbang iaitu tempatan, dunia, sukan dan ekonomi. Justifikasi pemilihan akhbar *al-Ahram* dari negara Mesir ini kerana ia merupakan antara akhbar terawal diterbitkan di dunia Arab iaitu pada tahun 1867 (Chiba Yushi, 2010). Pada tahun 2020, akhbar ini menduduki tempat ke-10 dari kalangan akhbar yang paling popular di seluruh dunia Arab (Industry Arabic, Mac 2023).

Bagi menganalisa laras penggunaan kata kerja bersama kata sendinya secara kuantitatif, perisian Wordsmith 8.0 telah digunakan. Perisian ini mempunyai tiga bentuk analisis utama iaitu kekerapan perkataan (*Wordlist*), konkordan (*Concordance*) dan kata kunci (*Keyword*). Analisis *Wordlist* dan *Concordance* digunakan dalam kajian ini kerana ia mampu menghasilkan senarai penggunaan perkataan tertentu bersama perkataan lain mengikut kehendak dan objektif kajian penulis. Dalam konteks kajian ini aplikasi *Concordance* digunakan untuk melihat trend kombinasi penggunaan antara kata kerja dan kata sendi seperti yang disasarkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibentangkan mengikut kata kerja yang ingin dianalisis dalam korpus akhbar Arab *Al-Ahram* yang dibangunkan. Pemilihannya berdasarkan kepada penggunaan kata kerja yang sinonim dengan kata sendi tertentu dan berdasarkan pengkelasan sesuatu kata kerja itu sebagai 'kata kerja tak transitif (فعل لازم)'. Kata kerja kategori ini tidak memerlukan kepada objek (مفعول به), justeru ia lazimnya digandingkan dengan kata sendi tertentu bagi melengkapkan maksud (Afifi Ramazan, 2014). Penumpuan analisis adalah kepada penggunaannya di luar kelaziman samada digunakan dengan kata sendi lain atau tanpa kata sendi. Jadual 2 di bawah menunjukkan senarai kata kerja untuk dianalisis beserta kekerapan penggunaannya dalam korpus yang dibangunkan.

Jadual 2. Senarai kata kerja untuk dianalisis beserta kekerapan penggunaannya dalam korpus akhbar *Al-Ahram*.

No	Kata Kerja	Kekerapan	Varian	Makna
1	أشار	28	أشارت، أشاروا	menunjukkan
2	قام	26	تقوم، قامت	mendirikan, mengadakan
3	أعلن	20	يعلن	memaklumkan
4	بدأ	17	تبدأ، بدأت، يبدأ	memulakan
5	تهدف	10	-	bertujuan
6	وصل	9	يصل، وصلوا، وصلت	sampai, tiba
7	تمكنت	5	-	memastikan

Jadual 2 di atas menunjukkan senarai kata kerja yang terpilih untuk dianalisis bagi melihat trend penggunaannya bersama kata sendi. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kemampuannya menggambarkan trend yang jelas dan tahap hubungan antara keduanya. Terdapat 7 kata kerja yang telah dikenalpasti iaitu أشار (أشارت، أشاروا) dengan 28 kali penggunaan, قام (قامت، تقوم) dengan 26 kali penggunaan, أعلن (يعلن) dengan 20 kali penggunaan, بدأ (بدأ، بدأت، يبدأ) dengan 17 kali penggunaan, تهدف dengan 10 kali penggunaan, وصل (وصلت، وصلوا، وصلت) dengan 9 kali penggunaan dan تمكنت dengan 5 kali penggunaan. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 2 kata kerja yang hanya digunakan dalam satu bentuk iaitu kata kerja تهدف dan تمكنت.

Jadual 3. Analisis penggunaan kata kerja أشار bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
أشار، أشارت، أشاروا	إلى (ke/kepada)	27	0.10
-	-	1	-
Jumlah		28	

Jadual 3 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja أشار bersama variannya أشارت dan أشاروا dalam korpus yang dikaji. Ia membuktikan bahawa kata kerja ini amat sinonim penggunaannya dengan kata sendi إلى iaitu sebanyak 27 kali dari keseluruhan 28 kali atau 0.10% dari jumlah perkataan dalam korpus, berbanding sekali sahaja penggunaannya tanpa kata sendi. Penggunaannya tanpa kata sendi menggambarkan cubaan memperkenalkan trend baharu dalam bahasa Arab moden khususnya dalam penulisan media walaupun penggunaannya agak terpercil. Analisis terperinci dari aspek konkordan menunjukkan, ayat yang tidak menggunakan kata sendi إلى bersama kata kerja ini dari kategori sukan adalah:

أشار البيان "مع اقتراب مباراتنا الافتتاحية، قررنا نحن اللاعبين تعليق المناقشات مؤقتاً، مع وجود نوايا كاملة للعودة إليها"

Jadual 4. Analisis penggunaan kata kerja قام bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
قام، قامت، تقوم	ب (dengan)	25	0.09
	على (ke atas)	1	-
Jumlah		26	0.09

Jadual 4 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja قام bersama variannya قامت dan تقوم dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan bahawa kata kerja ini amat sinonim penggunaannya dengan kata sendi ب iaitu 25 kali dari keseluruhan 26 kali atau 0.09% dari keseluruhan korpus, berbanding sekali sahaja penggunaannya dengan kata sendi على. Penggunaan kata kerja ini bersama kata sendi على membuktikan keterbukaan bahasa Arab menerima kepelbagaian dan variasi kombinasi ini walaupun ia membawa maksud yang sama. Ini berbeza dengan pandangan Al-Suyuti (2009), yang menyatakan sesuatu kata kerja mungkin memerlukan kepada kata sendi berbeza berdasarkan kepada maksud khusus mengikut konteks ayat. Namun, analisis konkordan yang lebih mendalam terhadap laras ayat yang menggunakan kata sendi على menunjukkan ia juga sesuai digunakan dengan kata sendi ب, namun begitu, penulis memilih menggunakan kombinasi baharu ini dalam berita yang dilaporkan. Analisis konkordan menunjukkan contoh ayat yang menggunakan kombinasi baharu ini dalam akhbar *Al-Ahram* adalah:

قام جمال علام وأعضاء مجلس إدارة الاتحاد على تسليم المدربين

Jadual 5. Analisis penggunaan kata kerja أعلن bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
	عن (<i>tentang</i>)	5	0.02
أعلن ، أعلنت ، يعلن		11	0.04
	أن (<i>bahawa</i>)	6	0.02
	Jumlah	22	0.08

Jadual 5 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja أعلن bersama variannya أعلنت dan يعلن dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan terdapat kepelbagaian penggunaan kata kerja ini, pertama, tanpa kata sendi iaitu sebanyak 11 kali atau 0.04%, bersama أن, 6 (0.02%) kali dan kata sendi عن, 5 kali (0.02%) dari keseluruhan 22 kali penggunaan. Kesimpulannya, kata kerja ini lebih banyak digunakan tanpa dipadankan dengan kata sendi. Namun begitu, para jurnalis mempunyai pilihan untuk menggunakannya bersama kata sendi عن bagi menjelaskan objek yang dimaksudkan. Tujuan yang sama juga digunakan pada kata kerja ini dengan kombinasi perkataan أن iaitu penghuraian berkaitan objek yang diiklankan. Ia sekaligus menggambarkan perluasan bahasa Arab dalam menerima kombinasi baharu antara kata kerja dan kata sendi untuk menunjukkan maksud yang sama iaitu menjelaskan objek. Situasi ini agak berbeza dengan pandangan Ibn Qayyim (2013) yang berpendapat, sesuatu kata kerja yang digunakan bersama kata sendi berbeza membawa maksud berbeza berdasarkan makna kata sendi tersebut.

Jadual 6. Analisis penggunaan kata kerja بدأ bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
	-	14	0.05
بدأ، بدأت، تبدأ، يبدأ	ب (<i>dengan</i>)	3	0.01
	Jumlah	17	0.06

Jadual 6 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja بدأ bersama variannya بدأت dan تبدأ dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan bahawa kata kerja ini amat sinonim penggunaannya tanpa kata sendi iaitu 14 atau 0.05% kali dari keseluruhan 17 kali (0.06%), berbanding hanya 3 kali (0.01%) penggunaannya dengan kata sendi ب. Berdasarkan kajian dalam bahasa Arab klasik, kata kerja بدأ juga digunakan dengan kata sendi ini atau tanpanya seperti yang telah dibincangkan, tetapi digunakan untuk situasi berbeza. Hasil analisis konkordan menunjukkan penggunaan kata kerja ini dengan atau tanpa kata sendi ب berlaku dalam situasi yang hampir sama dan berbeza dengan situasi dalam bahasa Arab klasik. Contoh penggunaan dengan ب dalam korpus adalah:

وكانت رحلة يون بدأت بزيارة فيلينيوس لحضور قمة منظمة حلف شمال الأطلسي (ناتو)

sementara contoh penggunaannya tanpa kata sendi adalah:

وأشار ساليغان إلى أن بيونج يانج بدأت اختبار هذه القدرات منذ سنوات

Contoh kedua di atas jelas menunjukkan bahawa kata sendi ب juga sesuai digunakan dalam situasi ini namun penulis memilih untuk tidak menggunakannya.

Jadual 7. Analisis penggunaan kata kerja تهدف bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
	إلى (<i>ke/kepada</i>)	9	0.03
تهدف	ل (<i>bagi</i>)	1	-
	Jumlah	10	0.03

Jadual 7 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja تهدف dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan bahawa kata kerja ini amat sinonim penggunaannya dengan kata sendi إلى iaitu sebanyak 9 kali dari keseluruhan 10 kali penggunaan atau 0.03% dari keseluruhan korpus, berbanding sekali sahaja penggunaannya dengan kata sendi ل. Penggunaannya bersama kata sendi ل membuktikan usaha media Arab mempromosikan penggunaan baharu bagi kata kerja ini dengan membawa maksud yang sama. Ini selaras dengan pandangan Al-Zujaji (1984) bahawa sesuatu kata sendi yang digunakan bersama kata kerja mungkin membawa maksud kata sendi lain. Beliau memberi contoh kata sendi ل boleh membawa makna عند (di sisi) seperti dalam ayat al-Quran وَخَشَعَتِ الْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَنِ الَّذِي هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ yang membawa maksud عند الرحمن. Manakala hasil analisis konkordan menunjukkan ayat yang menggunakan kata sendi ل adalah

أن المبادرة تهدف بشكل رئيسي لإشراك الشباب في صنع السياسات العامة

dan ia juga sesuai dari segi makna digandingkan dengan kata sendi إلى seperti kelaziman dalam bahasa Arab klasik.

Jadual 8. Analisis penggunaan kata kerja وصل bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
	إلى (<i>ke/kepada</i>)	6	0.02
وصل، وصلوا، وصلت	-	2	-
	ل (<i>bagi</i>)	1	-
	Jumlah	9	0.02

Jadual 8 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja وصل bersama variannya وصلوا dan وصلت dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan bahawa kata kerja ini lebih sinonim penggunaannya dengan kata sendi إلى iaitu 6 kali dari keseluruhan 9 kali, berbanding dua kali tanpa kata sendi dan sekali dengan kata sendi ل. Kata kerja وصل sering digandingkan dengan kata sendi إلى kerana kata kerja ini dikategorikan sebagai kata kerja tak transitif yang memerlukan kepada kata sendi ini (Afifi Ramazan, 2014). Namun, penggunaannya bersama kata sendi lain iaitu ل atau tanpa kata sendi menjelaskan penerimaan dan perluasan bahasa Arab dalam membawa maksud yang hampir sama. Hasil analisis konkordan menunjukkan penggunaan kata kerja ini tanpa kata sendi adalah seperti dalam ayat,

وكان كيشيدا قد وصل مدينة جدة الساحلية أمس ...

yang juga sesuai digunakan bersama kata sendi إلى iaitu

.... وصل إلى مدينة جدة الساحلية ...

Namun penulis lebih memilih menggunakannya tanpa kata sendi. Sementara, penggunaan kata kerja وصل ini bersama kata sendi ل dapat dilihat dalam ayat,

أنه سيكون مصحوبا بأمطار غزيرة ورياح شديدة ويتسبب في أمواج عالية يصل ارتفاعها لستة أمتار

Ayat ini juga sesuai digunakan kata sendi yang lazim iaitu إلى bagi menggambarkan ketinggian ombak dalam kejadian ribut yang dilaporkan.

Jadual 9. Analisis penggunaan kata kerja تمكنت bersama kata sendi.

Kata kerja	Kata sendi	Kekerapan	Peratus
تمكنت	من (<i>dari</i>)	4	0.01
	في (<i>dalam</i>)	1	-
	Jumlah	5	0.01

Jadual 9 di atas menunjukkan penggunaan kata kerja تمكنت bersama kata sendinya dalam korpus yang dikaji. Ia jelas membuktikan bahawa kata kerja ini amat sinonim penggunaannya dengan kata sendi من iaitu sebanyak 4 kali penggunaan dari keseluruhan 5 kali, berbanding sekali sahaja penggunaannya bersama kata sendi في. Kata kerja تمكن lazimnya digunakan bersama kata sendi من, namun terdapat juga penggunaannya bersama kata sendi lain iaitu في yang membuktikan penerimaan laras baharu dalam bahasa Arab moden. Hasil analisis konkordan menunjukkan satu-satunya ayat yang menggunakan kata kerja ini bersama kata sendi yang tidak lazim iaitu في adalah:

تمكنت جهود أجهزة وزارة الداخلية في كشف ملابسات ما تبلغ لقسم شرطة التجمع الأول بمديرية أمن القاهرة ...

Ayat ini menunjukkan bahawa ia juga sesuai digunakan dengan kata sendi من bagi menyampaikan maksud yang sama, namun penulis memilih menggunakan kombinasi baharu bersama kata sendi في.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini membuktikan kewujudan trend penggunaan kombinasi kata kerja bersama pelbagai kata sendi yang baharu berbanding kombinasi lazim yang terdapat dalam bahasa Arab. Penggunaan kombinasi kerja kerja seperti قام bersama kata sendi ب dan على, kata kerja أعلن bersama عن dan أن (bukan kategori kata sendi), تهدف bersama إلى dan ل, kata kerja وصل bersama إلى dan ل serta kata kerja تمكّن bersama kata sendi من dan في. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat kata kerja yang digandingkan dengan kata sendi tertentu atau tiada gandingan langsung digunakan iaitu pada kata kerja أشار dan بدأ. Penggunaan kata kerja أشار yang lazimnya bersama kombinasi kata sendi إلى cuba digunakan tanpa gandingan kata sendi dalam media Arab sebagai trend baharu. Begitu juga terdapat variasi penggunaan kata kerja بدأ bersama kata sendi ب dan tanpa kata sendi. Perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa terdapat bukti bahasa Arab klasik telah menggunakan kedua-dua kombinasi ini tetapi membawa maksud berbeza. Sementara bahasa Arab moden khususnya dalam media Arab cuba menggunakannya bagi membawa maksud yang hampir sama.

Hasil dari kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan sesuatu kata kerja bersama beberapa kata sendi berbeza dalam bahasa Arab moden tidak menjejaskan maksud yang ingin disampaikan penulis. Bahkan variasi kata-kata sendi yang digunakan bersama kata kerja tertentu seperti yang dibincangkan boleh digantikan sesama sendiri tanpa menjejaskan kefahaman pembaca. Sebagai contohnya, penggunaan kata kerja تهدف bersama kata sendi ل seperti di jadual 7, dalam ayat ...

أن المبادرة تهدف بشكل رئيسي لإشراك الشباب في صنع السياسات العامة

boleh ditukarkan dengan kata sendi من tanpa menjejaskan maksud dari ayat berkenaan. Dalam masa yang sama, penggunaan kombinasi yang lazim dalam bahasa Arab klasik masih dominan dari aspek kekerapan berbanding penggunaan trend baharu yang dikesan dalam korpus ini. Ini membuktikan asas laras pembinaan ayat penggunaan tatabahasa Arab yang ditunjangi al-Quran tetap kukuh walaupun berlaku perluasan penggunaannya bersama pelbagai kata sendi. Dapatan kajian ini amat signifikan dengan evolusi bahasa Arab moden masa kini yang berbeza dengan bahasa Arab klasik yang ditunjangi al-Quran, Hadith dan sastera Arab lama.

Secara keseluruhan, kajian ini hanya mengkaji dari sumber data dari 77 teks berita yang dikumpul dalam tempoh 10 hari dari akhbar *Al-Ahram* di Mesir. Ia hanya menumpukan kepada penggunaan kata kerja tak transitif bersama kata sendi serta kepelbagaiannya mengikut frekuensi penggunaan. Dapat disimpulkan bahawa jumlah korpus yang kecil iaitu sekitar 20,000 perkataan masih mampu menunjukkan kecenderungan trend penggunaan perkataan dalam aspek yang dikaji. Namun, adalah diakui bahawa saiz korpus yang lebih besar lebih diyakini untuk menggambarkan trend penggunaan bahasa dalam analisis korpus. Menurut Kurt Burgess dan Kay Livesay (1998) semakin besar saiz korpus yang dibina semakin baik hasil kajian yang diperolehi. Adalah dicadangkan supaya kajian seumpamanya dapat dilakukan dengan saiz korpus yang lebih besar serta mengumpulkan teks-teks berita dari pelbagai negara Arab. Justeru analisis perbandingan trend penggunaan kata kerja tak transitif dapat dilakukan antara akhbar mengikut negara penerbit. Dalam kajian ini khususnya, akhbar Arab telah memainkan peranan penting dalam memelopori penggunaan gaya bahasa baharu dalam aspek kata kerja bersama kata sendi dan digunakan seterusnya dalam masyarakat Arab. Namun begitu, peranan dewan-dewan bahasa di setiap negara Arab amat penting dalam mengkaji setiap trend penggunaan bahasa baharu yang cuba diketengahkan agar tidak sewenang-wenangnya dibawa masuk dan digunakan yang seterusnya boleh mengancam keaslian dan merosakkan bahasa Arab itu sendiri.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Sharaf. (tt). *Al-Lughah al-'Ilamiyyah*. Cairo: al-Markaz al-Thaqafi al-Jami'i.
- Afifi Ramazan Afifi Ahmed. (2014). Nazarat fi taaddi al-f'il wa al-luzumihi fi al-Sahafah al-Misriyyah. *Necmettin Erbakan Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 37, 95-134.
- Al-Fairuzabadi, Majdi al-Din Muhammad. (2005). *Al-Qamus al-Muhith*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Jauziyah, Ibn Qayyim. (2013). *Badai' al-fawaid*. Jeddah: Majma' al-Fiqh al-Islamiyy.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd' Rahman. (2009). *Al-Asybah wa al-nathoir*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd' Rahman. (1987). *Ham'u al-Hawami'*. 'Abd al-A'al Salim Mukram (Eds). Kuwait: Dar Al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Al-Zujaji, Abd al-Rahman. (1984). *Huruf al-ma'ani wa al-sifat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Bahiyah Omar. (2017). Online news production, consumption and immediacy: The remediation perspective. *Jurnal Komunikasi*, 33(3), 250-266.
- Chiba Yushi. (2010). Media story of modern Egypt: A critical review. *Kyoto Working Paper on Area Studies: G-COE Series 2010*, 84, 1-17.
- Cuskley, C. (2020). *Language evolution: A brief overview*. <https://osf.io/3y98j/download>. Diakses pada 17 Disember 2023.
- Dahlan Ismail Abu Bakar. (2022). *Media cetak dan kepentingannya*. https://pspk.upm.edu.my/artikel/media_cetak-dan_kepentingannya-70578_ Diakses pada 28 Disember 2023.
- Egbule, P.O., Emuebie, E.J., & Ifeoma. G. (2016). Promoting African cultural values: The role of the mass media. *Humanities and African Values*, 384-395.
- Ejimofofor Agu. (2015). A linguistics-stylistic analysis of newspaper reportage. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 2(8), 20-27.
- Fatima Nor al-Houda Dahou. (2017). *Modern Standard Arabic in Algerian newspapers: Shuruq and al-Khabar*. Tesis Doktor Falsafah. University of Tlemcen, Algeria.
- Hamza Ethelb. (2019). Changing the structure of paragraphs and texts in Arabic: A case from news reporting. *International Journal of Comparative Literature and Translation studies*, 7(3), 8-25.
- Haywood, J. A. & Nahmad, H. M. (1993). *A new Arabic grammar of the written language*. London: Lund Humphries.
- Ibrahim Musthofa. (2016). *Qawaid al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Mathba' Al-Ma'arif.
- Iliia Markov, Kseniia Kharitonova & Elena Grigorenko. (2023). Language: Its origin and ongoing evolution. *Journal of Intelligence*, 11(61), 1-17.
- Industry Arabic. (13 Mac 2023). *The most influential Arabic newspapers*. <https://industryarabic.com/arabic-newspapers/>. Diakses pada 15 Disember 2023.
- Jammy Seigha Guanah. (2022). *Ethical and credibility issues associated with social media as sources of news*. Nairobi: Globethics.net Co-Publications.

- Julia Ashtiany. (1993). *Media Arabic*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Kurt B. & Kay L. (1998). The effect of corpus size in predicting reaction time in a basic word recognition task: Moving on from Kucera and Francis. *Journal of Behavior Research Method, Instruments & Computers*, 30 (2): 272-277.
- Lidya Sofwat Ibrahim. (2019). Daur al-sohafah fi tartib awlawiyat qadhoya al-ta'lim al-'ali lada al-sofwah. *Majallah al-Arabiyyah li Buhuth al-'lam wa al-Ittisal*, 24: 174-195.
- Muhammad Abu Wafa Atito Ahmad. (tt). *Al-Lughah al-Arabiyyah fi al-'ilam bayna al-Waqi' wa al-makmul*. Alukah.net. https://www.alukah.net/books/files/book_7081/bookfile/arbic.pdf_Diakses pada 30 November 2023.
- Muhammad Sayyid Soleh Sayyid. (tt). Lughah al-Sohafah bayna fusha wa al-'Amiyah. *Majallah Buhuth Kulliyah al-Adab*: 1-25.
- Muhammad Sayyid Muhammad. (1984). Al-I'lam wa al-Lughah. *Media Studies Series*. Cairo: 'Alam al-Kutub.
- Murad Al-Ghalib. (2009). Al-Ta'addi wa al-luzum baina al-dars al-nahw wa al-tatbiq al-lughawiyy. Tesis sarjana. Jordan: Jami'ah Mu'tah.
- Norazlinda Mohammad. (2021). Komunikasi, kesan penyebaran maklumat dan kesahihannya dalam kalangan pengguna media baharu. Dalam Komunikasi, Peradaban dan Budaya. UITM: Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media.
- Pawan Koundal & Raghvendra Mishra. (2018). Print and online newspapers: An analysis of the news content and consumption patterns of readers. *Communicator*, LIII (1), 53-71.
- Sabaryah@Sabariah Shafiee. (2012). Penggunaan bahasa dalam akhbar arus perdana. https://www.academia.edu/10178097/Penggunaan_Laras_Bahasa_dalam_Akhbar_Dikases pada 15 Disember 2023.
- Sola Fitriya Hidayani. (2021). *Dirasah tahliliyyah fi uslub al-ficl al-lazim wa al-muta'addi fi surat al-waqi'ah wa muqtadhoyatiha fi ta'lim 'ilm al-sorf*. Tesis Sarjana. Ponorogo: Institut Agama Islam Negeri.
- Sya'lan, Ibrahim Musa. (2022). *Anmath al-tarakib fi jaridah al-Rayah al-Qatariyah: Dirasah nahwiyah wasfiyyah li namazij min a'dad sanah 2017*. Tesis Sarjana. Doha: Qatar University.
- Van Mol, M. (2003). *Variation in Modern Standard Arabic in Radio News Broadcasts: A Synchronic Descriptive Investigation into the Use of Complementary Particles*. Paris: Peeters and Department of Oriental Studies.
- Wiliam, P. C. (2007). Online news credibility: An examination of the perception of newspaper journalists. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(2), 478-498.